

Menjejaki Seni Warisan Gendang Silat Menerusi Kaedah Sejarah Lisan

Nur Athirah Mohamad Johari
Nur Syamira Ibrahim@Mohd Nor
Azman Mat Isa
Mohd Nizam Yunus

**Fakulti Pengurusan Maklumat,
UiTM Kampus Puncak Perdana**

Jalan Pulau Indah AU10/A, Puncak Perdana, 40150 Shah Alam, Selangor

Abstrak

Gendang Silat merupakan satu muzik persembahan tradisional yang terkenal di negeri Kedah. Terbahagi kepada dua aliran iaitu aliran utara dan aliran timur. Tujuan persembahan gendang adalah bagi mengiringi silat terutama di majlis perkahwinan, majlis kesyukuran dan lain lain. Sehubungan dengan itu, kajian ini adalah untuk mengetahui sejarah asal usul serta latar belakang, cara pembuatan, cara permainan, pantang larang serta ilmu disiplin yang perlu ada dalam diri seseorang pemain gendang silat. Gendang silat terdiri daripada empat alatan utama iaitu gong, serunai, gendang ibu dan gendang anak. Dapatan kajian ini adalah hasil daripada wawancara sejarah lisan bersama Encik Khairul Hafiz bin Abdul Rahman, ketua kumpulan Gentala Sari, iaitu salah satu kumpulan gendang di Malaysia. Beliau menceritakan mengenai pengalaman luas beliau dalam bidang Gendang Silat Kedah. Beliau juga banyak berkongsi pandangan dan pengalaman dalam seni warisan gendang silat dengan masyarakat.

Kata kunci: Gendang Silat Kedah, pembuatan, warisan, fungsi, asal usul, cara permainan

Pengenalan

Warisan Gendang Silat merupakan seni warisan pertahanan dan persembahan yang sangat popular di beberapa buah negeri di Malaysia. Seni ini sedikit berbeza dengan kebiasaan seni pertahanan silat yang lain kerana di samping persembahan tarian silat, terdapat juga alunan muzik dan gendang yang turut dimainkan sewaktu tarian dipersembahkan. Tarian silat yang ditunjukkan juga mengikut rentak gendang yang dimainkan. Seni warisan Gendang Silat ini sangat popular di negeri Kedah serta Terengganu. Gendang silat terdiri daripada empat alatan asas iaitu gong, gendang ibu, gendang anak serta sepucuk serunai. Apabila lengkapnya empat alatan ini, maka barulah persembahan pergendangan silat itu boleh dilakukan.

Manakala, minima pemain yang membuat persembahan pula adalah empat orang iaitu masing-masing mewakili satu jenis alatan dalam permainan. Bagi negeri Kedah, Perak, Melaka, Selangor dan Kuala Lumpur, silat ini terkenal sebagai Gendang Silat Aliran Utara manakala bagi negeri sebelah timur seperti Pahang, Terengganu dan Kelantan, ia terkenal sebagai Gendang Silat Aliran Timur. Persembahan Warisan Gendang Silat ini juga kerap terlibat dalam pertandingan di peringkat negeri.

Asal Usul Gendang Silat

Serba sedikit tentang sejarah pergendangan silat di dunia, menurut Encik Khairul Hafiz Abdul Rahman (2018), serunai tertua pernah dijumpai di Parsi yang menandakan bahawa seni ini telah wujud lama iaitu sebelum zaman Masihi lagi. Pada ketika itu, fungsi seni ini lebih kepada untuk tujuan keagamaan atau ritual. Sementara di Tanah Melayu, seni ini telah wujud sebelum zaman era perdagangan Melaka lagi. Namun sekarang fungsinya telah berubah iaitu untuk mengiringi persembahan silat dan upacara perkahwinan. Warisan gendang silat ini sangat penting untuk diketahui oleh semua masyarakat di Malaysia agar seni yang dibawakan itu tidak akan dilupakan dan terus menjadi warisan negara.

Pengenalan Gendang Silat Kedah

Gendang silat Kedah adalah antara alat muzik yang sudah lama wujud dalam kalangan masyarakat Melayu dan ia adalah elemen yang penting dalam kesenian warisan. Gendang adalah alat muzik tradisional yang sangat sinonim dengan kebudayaan masyarakat Melayu. Gendang ini turut dimainkan bersama-sama beduk, gedombak, geduk, jidur, kompang dan beberapa peralatan lain bagi mengiringi upacara-upacara seperti peristiadatan diraja, silat dan sebagainya. Gendang adalah alat bunyian yang dihasilkan daripada kulit binatang seperti lembu, kambing dan kerbau. Setiap bangsa mempunyai nama tersendiri bagi setiap gendang yang dihasilkan.

Menurut akhbar *Utusan Online* (2008) yang telah melakukan temubual bersama Encik Hamid Abdullah atau turut dikenali sebagai Pak Teh Mid (2008), terdapat gendang yang digunakan dalam persilatan dan ada juga gendang yang digunakan bagi acara tari-menari. Selain itu, gendang juga turut digunakan untuk sambutan perayaan ataupun pertabalan diraja. Sehingga ke hari ini, gendang masih digunakan dalam adat-istiadat diraja serta seni mempertahankan diri iaitu silat



Gambar 1: Gendang yang digunakan dalam persembahan gendang silat.



Gambar 2: Serunai yang digunakan dalam persembahan gendang silat.



Gambar 3: Gong yang digunakan dalam persembahan gendang silat.

Pembuatan Gendang Silat Kedah

Setiap gendang yang dihasilkan ada pasangannya atau dengan erti kata lain, dipanggil gendang ibu dan anak. Semasa persembahan., gendang ibu dan anak akan disertai secara berpasangan bagi membina struktur irama yang mengikut konsep serta disiplin yang didukung. Menurut *Kosmo Online* (2013) pula, gendang ini dibuat menggunakan kayu nangka, sertang ataupun merbau. Kayu nangka juga kadang kala digunakan untuk membuat gendang-gendang tertentu seperti gendang silat agar bunyi yang dihasilkan adalah berbeza sedikit daripada gendang-gendang biasa. Ada juga gendang yang dibuat menggunakan jenis kayu jelatoh atau jelutong disebabkan oleh teksturnya yang lembut dan senang diukir. Pemilihan pokok kayu ini selain daripada sesuai digunakan untuk membuat gendang, ia juga kerana pokok kayu ini mudah didapati terutama di kawasan yang aktif dalam pembuatan gendang iaitu di Kedah.

Selain penggunaan kayu sebagai bahan utama, ia juga memerlukan penggunaan kulit haiwan sama ada lembu, kambing atau kerbau. Rotan bertindak sebagai pengikat kulit haiwan tersebut dengan kayu yang ditebuk di bahagian dalamnya menggunakan mesin khas. Rotan tersebut juga akan dililit di dalam gendang dengan tujuan mencekang gendang tersebut. Asas gendang adalah diperbuat daripada kulit lembu atau bam pada bahagian bawahnya, manakala bahagian atasnya diperbuat daripada kulit kambing. Permukaan kulit bam dikikis bagi pembuangan lemak yang terkandung pada kulit itu. Gendang dihasilkan dalam saiz yang berbeza bagi menghasilkan bunyi yang harmoni dan pelbagai. Jika penghasilan gendang ini dilakukan secara lewa, bunyi yang dihasilkan tidak akan sama dengan bunyi yang dikehendaki.

Ukiran yang cantik, struktur rangka gendang yang tegap dan bunyi merdu yang dihasilkan adalah pakej sempurna yang mesti ada pada sesebuah gendang itu. Gendang merangkumi pelbagai jenis dan setiap jenis itu mempunyai fungsi yang tersendiri. Terdapat gendang silat, gendang India, gendang joget dan beberapa jenis gendang lain yang dimainkan dalam sesuatu majlis itu. Menurut Pak Long Azit menerusi temubualnya bersama Utusan Online (2009) menyatakan bahawa proses pembuatan gendang ini adalah lebih baik dilakukan secara tradisional kerana pembuatannya adalah

lebih teliti. Pembuatan Gendang Silat ini mengambil masa sekurang-kurangnya seminggu untuk disiapkan. Harga gendang yang dihasilkan pula bergantung kepada saiz dan kualiti buatannya.

Alatan gendang ini jarang sekali ditukar baru melainkan permukaan kulit balohnya longgar atau rosak. Tanda-tanda bagi mengenalpasti samaada terdapat kerosakan pada gendang tersebut adalah dengan meneliti jika terdapat perubahan pada bunyi ketika gendang tersebut diketuk. Andai kata terdapat perubahan dari segi bunyi gendang tersebut, ianya akan dibaiki. Kulitnya akan ditukar baru atau dalam erti kata lain, proses salin kulit dilakukan pada gendang tersebut. Setelah selesai proses salin kulit, alatan gendang itu boleh digunakan semula seperti sedia kala. Antara tokoh yang sangat aktif serta berpengalaman dalam pembuatan gendang ialah Encik Hamid Abdullah yang juga dikenali sebagai Pak Teh Mid dan Encik Mat Khir Ibrahim yang dikenali sebagai Pak Teh Mat.

Selain itu, menurut Berita Harian Online (2016), serunai pula merupakan antara pasangan wajib yang perlu ada sebagai pelengkap kepada bunyi yang dihasilkan melalui pukulan pada gendang tersebut. Alatan serunai ini merupakan alatan yang amat memerlukan pemainnya untuk benar-benar mahir dalam kawalan nafas dan teknik tiupan bagi menghasilkan bunyi yang gemersik dan nyaring. Secara sinonimnya, peniup serunai merupakan dalam kalangan orang lelaki, namun kini wanita juga mampu menguasai tiupan alatan serunai itu. Warisan Srikandi yang diketuai serta ditubuhkan oleh Pak Teh Mat telah melakukan sebuah usaha bagi menubuhkan serta memperbanyakkan lagi pemain gendang serta peniup serunai dari dalam kalangan wanita bagi memartabatkan lagi seni ini.

Cara Memainkan Gendang

Menurut Encik Mohd Amir (2017), setiap negeri mempunyai cara pukulan gendang yang unik dan berbeza-beza mengikut cara masing-masing. Kedah, Kelantan, Terengganu dan Thailand mempunyai cara pukulan yang berbeza. Gendang dimainkan dengan cara dipukul, sama ada dengan tangan sahaja atau dengan alat pemukul gendang. Manakala pukulan gendang aliran utara seperti negeri Selangor, Kuala Lumpur, Perak, Kedah pula sedikit berbeza dengan aliran timur. Semasa persembahan, gendang adalah dipangku diatas

riba secara tertib dan sopan mengikut keselesaan dan dipalu dengan tangan pada kedua-dua belah mukanya. Gendang anak adalah lebih kecil dan tebukan yang dilakukan pada gendang itu adalah supaya ianya dapat menghasilkan nada yang tinggi.

Menurut Encik Mohd Amir (2017) lagi, serunai merupakan alatan yang mengiringi paluan gendang. Serunai bukanlah mudah dimainkan, pemain harus menguasai teknik meniup serunai dengan betul agar dapat memastikan serunai itu akan sentiasa didengari dan mampu mengiringi paluan gendang dengan sangat baik. Seseorang yang belum boleh menguasai teknik meniup serunai harus melakukan latihan secara konsisten supaya ada nafas yang panjang. Kebiasaannya, individu yang meniup serunai semasa persembahan adalah mereka yang betul betul mahir dalam bidang itu. Hal ini kerana, tidak ramai yang betul betul mahir dan boleh meniup dengan merdu dan baik.

Cara Persembahan

Menurut Encik Khairul Hafiz bin Abdul Rahman (2018), secara asasnya hanya terdapat empat alatan muzik utama yang digunakan sewaktu persembahan iaitu gendang ibu, gendang anak, gong serta serunai. Perbezaan ketara antara gendang ibu dan gendang anak adalah dari segi saiznya. Persembahan dilakukan secara berkumpulan. Empat orang pemain asas diperlukan pada setiap alatan muzik tersebut. Jika perlu, beberapa alatan tambahan boleh juga ditambah bagi memenuhi keperluan majlis. Antara peralatan yang kadangkala digunakan sebagai tambahan dalam persembahan adalah tamborin, *shaker* dan beberapa lagi alatan muzik lain. Persembahan gendang silat ini juga ada yang menggunakan lagu dalam seni persembahan, antara lagu yang digunakan adalah seperti berikut:

- Lagu Petani
- Lagu Silat Kedah
- Lagu Kobau Bombat
- Lagu Gaduh

Persembahan yang paling kerap dilakukan adalah bagi mengiringi pertunjukkan silat. Selain dari mengiringi pertunjukan silat, Gendang Silat ini turut dipersembahkan bagi mengiringin perarakan pengantin dan lain-lain

majlis yang melibatkan perarakan sama ada rasmi atau tidak rasmi. Persembahan Gendang Silat ini sering dipersembahkan dalam keadaan bersila di atas lantai. Hal ini supaya alatan gendang misalnya dapat diriba dalam keadaan yang selesa. Tempoh persembahan dilakukan adalah bergantung kepada jenis majlis yang diiringi.

Menurut Encik Khairul Hafiz (2018) purata caj yang dikenakan bagi setiap persembahan yang dilakukan adalah sekitar RM600.00. Caj yang dikenakan bergantung kepada jenis serta kawasan persembahan, samaada berdekatan atau di luar kota. Jika tempat persembahan berada di luar kota, maka mereka akan mengenakan caj yang sedikit tinggi untuk menanggung kos pengangkutan yang jauh serta penginapan bagi tujuan bermalam. Namun, jika lokasi persembahan hanya bertempat di kawasan kota khususnya di sekitar Kuala Lumpur, caj yang dikenakan adalah pada kadar biasa.



Gambar 4: Perbezaan pakaian yang digunakan sewaktu persembahan rasmi (atas) dan persembahan tidak rasmi (bawah).

Sewaktu persembahan dijalankan, ahli yang terlibat akan berpakaian baju Melayu lengkap beserta tanjak. Di kebanyakan persembahan, mereka hanya akan menggunakan busana sendiri. Kebiasaannya, kebebasan berpakaian diberikan kepada ahli selagi mana bersesuaian jika majlis yang dihardiri bertemakan tidak rasmi. Namun di majlis-majlis rasmi yang tertentu seperti perlantikan misalnya, pemakaian yang seragam adalah diperlukan. Busana-busana ahli Gendang Silat ini kebanyakannya dijahit sendiri.

Menurut Encik Khairul Hafiz (2018) lagi, pelbagai usaha telah dilakukan bagi memartabatkan serta memperkenalkan lagi Warisan Gendang Silat ini.

Antara usaha yang dilakukan adalah dengan memperkenalkan warisan ini melalui media-media sosial yang makin dikenali ramai. Antara medium yang digunakan adalah *Youtube*. Terdapat banyak video-video serta wawancara yang telah dimuat naik ke dalam laman *Youtube* itu sebagai usaha untuk memastikan semua maklumat tentang Gendang Silat ini mampu diperolehi dengan mudah dan senang diakses bagi semua lapisan umur. Selain itu, medium *Instagram* serta *Facebook* turut digunakan bagi siaran yang lebih terkini terutama dalam perkongsian persembahan, caj dikenakan dan maklumat terkini perihal gendang silat

Pantang Larang

Setiap adat mahupun budaya pastinya terdapat pantang larangnya yang tersendiri selain memerlukan penghayatan yang baik dan lemah lembut. Bagi seni warisan gendang silat khususnya alatan gendang itu sendiri, menurut Pak Teh Mid (2013), gendang yang telah disiapkan tidak boleh dilangkah. Petua orang lama yang diambil ini adalah atas dasar adab orang Melayu. Sesuatu yang digunakan tidak manis dilangkah. Petua ini masih digunakan sehingga sekarang oleh pemain gendang dalam menjaga alatan gendang mereka.

Selain daripada itu, menurut Encik Khairul Hafiz (2018) pula, permainan alatan gendang ini memerlukan disiplin yang tinggi daripada para pemainnya. Ketekunan dalam menjalani latihan adalah amat penting agar permainan alatan ini dapat dikuasai dengan mahir. Ketepatan waktu juga amat dititikberatkan oleh beliau kerana kemampuan seseorang untuk bertahan dalam bidang muzik ini amat bergantung kepada nilai-nilai ini. Individu yang mempelajari ilmu pergendangan silat ini juga haruslah sentiasa bersikap hati terbuka supaya dapat menerima teguran dan nasihat dari ahli lain. Hal ini supaya setiap nasihat mampu diiterima dengan lapang dada dan mampu membantu individu untuk memperbaiki kesilapan yang dilakukan sewaktu permainan alatan muzik ini.

Kesimpulan

Sebagai kesimpulan, Seni warisan Gendang Silat Kedah sangat penting bagi membuktikan bahawa masyarakat Malaysia adalah masyarakat yang kaya dengan warisan yang tersendiri serta budaya yang unik dalam

kepelbagaian kaum. Selain itu, seni persembahan gendang silat ini juga patut terus digunakan pada majlis keramaian agar generasi baru mudah untuk mengenali seni ini. Dengan itu, seni warisan gendang silat akan terus dikenali oleh semua lapisan umur tidak kira bangsa mahupun agama. Warisan Gendang Silat Kedah sangat penting untuk dipelihara dalam kalangan masyarakat kita supaya seni warisan itu tidak lapuk dan kekal sepanjang zaman.

RUJUKAN

- Baharin Hassan. (2016, Feb 13). Gendang Silat Kedah lagu Petani. [Fail Video]. Diakses dari <https://www.youtube.com/watch?v=UF0R53bvKIU>
- Beritanasionalrtm rasmi. (2018, Ogos 25). SPM 2018: tradisi gendang silat [26 Ogos 2018]. [Fail Video]. Diakses dari <https://www.youtube.com/watch?v=UF0R53bvKIU>
https://www.youtube.com/watch?v=_pEgi-i4Rvo
- Kamera Budaya. (29 April 2017) Diakses 8 Disember 2018, daripada <https://www.kamerabudaya.com/2017/04/inilah-5-alat-musik-tradisional-dari-bali.html>
- Khairul Hafiz Abdul Rahman. (2018, Oktober, 20). Temubual.
- Mencari pewaris peniup serunai. (2017). *Kosmo Online*. Diakses dari <https://www.youtube.com/watch?v=UF0R53bvKIU>
- Noor Fazrina Kamal (2008, Mac 25). Warisan tak lapuk dek zaman. *Utusan Online*. Diakses dari <https://www.youtube.com/watch?v=UF0R53bvKIU>
http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2008&dt=0325&pub=utusan_malaysia&sec=keluarga&pg=ke_01.htm
- PBH Music Art Sound and Lighting. (2018) Diakses 8 Disember 2018, daripada <https://www.pbhmusic.com.my/shop/traditional-musical-instrument/gendang-silat-gendang-ibu-gendang-anak/>
- Pengeluar alat muzik warisan silam. (2013). *Kosmo Online*. Diakses dari <https://www.youtube.com/watch?v=UF0R53bvKIU>
http://ww1.kosmo.com.my/kosmo/content.asp?y=2013&dt=1029&pub=Kosmo&sec=Rencana_Utama&pg=ru_01.htm
- Serunaifaqir72. (2007, Nov 29). Gendang peribumi (kump gemala kasturi). [Fail Video]. Diakses dari <https://www.youtube.com/watch?v=UF0R53bvKIU>
<https://www.youtube.com/watch?v=xuhyHJDmiow>

Shariza Abdullah (2009, Mac 20). Abdul Azit tukang gendang. *Utusan Online*. Diakses dari <https://www.youtube.com/watch?v=UF0R53bvKIU>
http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2009&dt=0320&pub=Utusan_Malaysia&sec=Utara&pg=wu_01.htm

Sound Travels. (2018) Diakses 8 Disember 2018 daripada https://www.soundtravels.co.uk/p-Wooden_Gong_Stand__Medium-6443.aspx

Sunimannunui. (2009, Dec 7). Gendang Silat Kedah. [Fail Video]. Diakses dari <https://www.youtube.com/watch?v=UF0R53bvKIU>
<https://www.youtube.com/watch?v=s-foTDyOeLM>

Suzalina Halid. (2016, Jun 14). Warisan Srikandi perjuang muzik rakyat. *BH Online*. Diakses dari <https://www.youtube.com/watch?v=UF0R53bvKIU>
<https://www.bharian.com.my/node/164060>